

## **Terma & Syarat Peraduan Dutch Lady #DLChillDulu**

### **Kelayakan dan Tempoh Peraduan**

1. Peraduan Dutch Lady #DLChillDulu akan berlangsung dari 14 April (9:00 a.m.) – 28 Mei 2023 (11:59 p.m.) (“Tempoh Peraduan”). Dutch Lady Milk Industries Berhad (No. Pendaftaran: 196301000165 (5063-V) (“Penganjur”) mempunyai hak untuk memendekkan atau memanjangkan Tempoh Peraduan tanpa notis terlebih dahulu. Semua penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan secara tidak langsung dibatalkan serta merta. Keputusan Penganjur adalah muktamad dan mengikat, oleh itu sebarang tuntutan berkenaan keputusan tidak akan dilayan.
  
2. Peraduan ini dibuka kepada semua penduduk sah Malaysia kecuali kakitangan Penganjur dan ahli keluarga terdekat mereka, termasuk syarikat-syarikat gabungan dan/atau berkaitan, pengedar-pengedar, agensi-agensi pengiklanan dan promosi Pihak Penganjur. Dengan menyertai Peraduan ini, anda bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab atau dipersalahkan terhadap sebarang kehilangan, kerosakan dan sebarang perbelanjaan yang timbul daripada penyertaan anda.

- Dewasa berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas dengan nombor pengenalan diri yang sah (MyKad) dan/atau
  
- Remaja berumur tiga belas (13) hingga tujuh belas (17) tahun dengan pengawasan dan kelulusan daripada ibu bapa atau penjaga yang sah.

\* Penyertaan yang menampilkan bayi berumur satu (1) tahun ke bawah akan dianggap sebagai penyertaan yang tidak sah.

\* Bagi penyertaan yang menampilkan kanak-kanak berumur dua (2) hingga dua belas (12) tahun perlu diiringi oleh ibu bapa atau penjaga yang sah di dalam penyertaan tersebut.

### **Cara Penyertaan**

**Langkah 1:** Beli sekurang-kurangnya dua (2) Dutch Lady Signature Cans 240ml dalam satu resit. Pastikan resit disimpan untuk tujuan pengesahan.

**Langkah 2:** Kongsikan momen #DLChillDulu balik kampung anda (gambar/ video) bersama Dutch Lady Cans dalam perisa Signature Chocolate / Signature Chocolate Hazelnut.

**Langkah 3:** Sertakan #DLChillDulu hashtag di ruangan kapsyen & tag @Dutch Lady Malaysia (Facebook) / @dutchladymy (Instagram).

*\*Akaun Peserta hendaklah ditetapkan pada mod PUBLIC untuk akses Pihak Penganjur terhadap penyertaan.*

3. Semua penyertaan wajib diterima oleh Pihak Penganjur sebelum 28 Mei 2023, 11:59 p.m.
4. Pihak Penganjur berhak untuk menyingkir atau membatalkan sebarang penyertaan yang tidak lengkap dan diterima di luar Tempoh Peraduan. Penganjur dan syarikat berkaitan dengan Peraduan ini tidak akan bertanggungjawab dan dipersalahkan terhadap sebarang masalah, kelewatan, kehilangan atau kerosakan dalam apa jua bentuk sekalipun akibat sebarang kegagalan rangkaian dan/atau gangguan visual yang dihantar atau diterima melalui mana-mana akaun Facebook & Instagram dan tidak bertanggungjawab untuk sebarang penggunaan akaun Facebook & Instagram tanpa kebenaran yang berkenaan dengan Peraduan ini. Peserta yang melanggar mana-mana peraturan, mendapat kelebihan yang tidak adil semasa menyertai Peraduan, atau dapatkan status kemenangan melalui tipu helah akan disingkirkan. Perbuatan menganggu, menjengkelkan atau mengugut adalah dilarang sama sekali.

### **Pemilihan Pemenang**

1. Para Peserta yang mematuhi kesemua Syarat Peraduan (rujuk Cara Penyertaan) akan disenarai pendek dan dipilih oleh barisan hakim Pihak Penganjur berdasarkan penyertaan paling kreatif untuk memenangi:

- 1x Hadiah Utama: DJI Pocket 2
- 2x Hadiah Pertama: Wanbo T2R Max Projector
- 3x Hadiah Kedua: Fujifilm Instax Link Wide
- 10x Kit #DLChillDulu

\* Warna dan spesifikasi hadiah tertakluk kepada perubahan tanpa notis lanjut berdasarkan ketersediaan produk.

2. Setiap peserta boleh menghantar lebih daripada satu (1) penyertaan namun hanya layak untuk memenangi satu (1) hadiah sahaja.
3. Pihak Penganjur berhak untuk menolak mana-mana penyertaan berdasarkan budi bicara mutlaknya tanpa perlu menyatakan sebarang sebab.

4. Pihak Penganjur berhak untuk meminta verifikasi umur mana-mana Pemenang sebelum mengesahkan mereka sebagai pemenang. Pihak Penganjur berhak untuk membatalkan pemberian hadiah kepada mana-mana Peserta yang tidak menyediakan maklumat yang diperlukan selepas menerima permintaan/notifikasi daripada Pihak Penganjur. Keputusan Pihak Penganjur adalah muktamad. Sebarang permohonan tidak akan dilayan.

### **Pengumuman Pemenang**

1. Senarai pemenang akan diumumkan oleh Pihak Penganjur menerusi laman Facebook ([facebook.com/spread.the.goodness.of.milk](https://facebook.com/spread.the.goodness.of.milk)) dan Instagram ([instagram.com/dutchladymy/](https://instagram.com/dutchladymy/)) Pihak Penganjur (Pengumuman Pemenang).
2. Pihak Penganjur berhak untuk melantik pihak ketiga untuk menjalankan proses verifikasi terhadap Pemenang yang dipilih dan memenuhi penghantaran Hadiah. Peserta wajib bersetuju untuk memberikan semua maklumat yang diperlukan kepada pihak ketiga tersebut untuk memudahkan proses-proses tersebut.
3. Setiap Pemenang dikehendaki untuk menghubungi Penganjur melalui mesej peribadi di halaman Facebook Penganjur ([facebook.com/spread.the.goodness.of.milk](https://facebook.com/spread.the.goodness.of.milk)) (PM) atau halaman Instagram Penganjur ([instagram.com/dutchladymy/](https://instagram.com/dutchladymy/)) (DM) dan sertakan maklumat berikut:

Butiran:

3.1 Nama Penuh (berdasarkan Kad Pengenalan)

3.2 No. Kad Pengenalan

3.3 No. Telefon

3.4 Alamat Surat-Menyurat

4. Jika tiada maklum balas daripada Pemenang dalam tempoh 7 hari bekerja selepas Pengumuman Pemenang, Pihak Penganjur berhak membatalkan status kemenangan Pemenang tersebut, melucutkan hadiah dan memilih pemenang baharu. Tiada pampasan (sama ada dalam bentuk tunai atau barang) akan diberikan sebagai hadiah ganti kepada Pemenang yang tidak memberikan maklum balas.

## **Hadiah**

1. Hadiah tidak boleh ditukar, dipindah milik atau ditebus dalam apa juga bentuk untuk apa-apa jua sebab.
2. Pihak Penganjur berhak dengan budi bicara mutlak untuk menukar sebarang Hadiah pada nilai yang sepunya, pada bila-bila masa tanpa sebarang notis awal. Nilai Hadiah adalah tepat semasa waktu cetakan. Kesemua hadiah yang diberikan adalah dalam bentuk seadanya.
3. Setiap Pemenang hanya layak untuk memenangi satu (1) Hadiah Peraduan.
4. Hadiah mestilah dituntut dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh pengumuman atau notis tuntutan hadiah, mana-mana yang lebih awal.
5. Segala risiko yang hadir daripada Hadiah mestilah diambil oleh Pemenang dan Pihak Penganjur dikecualikan daripada segala jaminan atau liabiliti berkaitan Hadiah pada tahap sepenuhnya yang dibenarkan undang-undang.
6. Hadiah akan dihantar kepada alamat penghantaran yang diberi oleh pemenang setelah maklumat yang diberikan oleh pemenang disahkan oleh Pihak Penganjur. Para pemenang dikehendaki untuk memastikan alamat penghantaran yang diberi adalah terkini dan tepat.
7. Pihak Penganjur berhak untuk menentukan bagaimana Hadiah yang tidak ditebus akan diuruskan.

## **Hak Penganjur**

1. Pihak Penganjur tidak akan bertangungjawab ke atas:
  - 1.1 Sebarang masalah, kehilangan atau kerosakan dalam apa jua bentuk yang dialami oleh mana-mana pihak disebabkan oleh sebarang kelewatan dan/atau kegagalan dalam menyusun entri akibat daripada sebarang ralat rangkaian, komunikasi atau sistem, gangguan dan/atau kegagalan yang dialami oleh talian internet semasa mengambil bahagian dalam Peraduan. Sekiranya berlaku kesilapan, gangguan dan/atau kegagalan tersebut, Penganjur tidak akan bertangungjawab atas sebarang kegagalan oleh mana-mana Peserta untuk menyertai Peraduan pada bila-bila masa;

1.2 Sebarang masalah, kerosakan atau kehilangan dalam apa jua bentuk kepada mana-mana Peserta, atau wakil mereka yang diberi kuasa akibat daripada penyertaan mereka dalam Peraduan; dan

1.3. Sebarang ralat, peninggalan, gangguan, pemadaman, kecacatan, kelewatan dalam operasi atau penghantaran, kegagalan talian internet, kecurian, pemusnahan atau akses tanpa kebenaran kepada entri, yang timbul semasa operasi atau penghantaran akibat daripada fungsi pelayan, virus, pepijat atau sebab lain di luar kawalan.

2. Peserta juga mesti bersetuju bahawa Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan, kecederaan atau kerosakan pada mana-mana gajet Peserta dan/atau pihak ketiga yang berkaitan dengan atau berpunca daripada akses kepada penyertaan dalam Peraduan ini, termasuk memainkan, memuat turun apa-apa bahan atau maklumat daripada Laman Web yang berkaitan dengan Peraduan ini, penyerahan entri Peraduan ini, dan tidak terhad kepada sebarang kegagalan pelayan, kehilangan, penangguhan atau kerosakan data atau kepincangan fungsi lain.

3. Penganjur berhak berdasarkan budi bicara mutlaknya untuk membatalkan kelayakan mana-mana individu yang ditentukannya mengganggu proses penyertaan atau pengendalian Peraduan, melanggar atau berpotensi melanggar Terma dan Syarat Peraduan ini.

4. Penganjur berhak untuk membatalkan, mengubah suai, menggantung atau menangguhkan Peraduan sekiranya berlaku sebarang kejadian yang tidak dijangka di luar kawalan Penganjur.

5. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta bersetuju untuk memberikan maklumat peribadi mereka dan Penganjur berhak untuk menerbitkan, menggunakan nama dan/atau gambar Peserta serta penyertaan mereka untuk tujuan pengumuman pemenang, publisiti, pengiklanan dan/atau perdagangan tanpa pampasan atau notis lanjut dan setiap peserta tidak berhak membuat sebarang tuntutan untuk penggunaan penyertaan mereka kepada Penganjur.

6. Semua penyertaan yang dihantar mestilah sesuai untuk diterbitkan ke dalam mana-mana rangkaian sosial awam. Kandungan yang berunsur provokatif atau politikal, menyinggung perasaan atau menimbulkan persoalan tidak akan diterima sama sekali. Pihak Penganjur berhak atas budi bicara mutlaknya untuk membatalkan penyertaan dengan kandungan yang tidak sesuai.

7. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta bersetuju untuk terikat dengan Terma & Syarat Peraduan ini berserta keputusan Pihak Penganjur.
8. Pihak Penganjur berhak untuk menukar, meminda, memadam atau menambah Terma & Syarat ini tanpa notis awal pada bila-bila masa dan Peserta akan terikat dengan perubahan tersebut.
9. Pihak Penganjur mengumpul maklumat peribadi anda untuk menyediakan perkhidmatan atau untuk menghubungi anda. Maklumat ini disimpan dengan kaedah pengumpulan data yang bersesuaian oleh Pihak Penganjur dan digunakan untuk memenuhi permintaan anda. Dengan maklumat peribadi yang anda kongsikan, kami menganggap bahawa kebenaran diberikan kepada Penganjur dan/atau ejennya yang diberi kuasa untuk menggunakan maklumat ini untuk tujuan pemasaran dan promosi masa kini dan masa hadapan serta untuk menambah baik produk dan perkhidmatannya. Jika anda memaklumkan Pihak Penganjur melalui Careline di 1-800-81-3855 atau di [dutchladycareline@frieslandcampina.com](mailto:dutchladycareline@frieslandcampina.com) bahawa maklumat di atas tidak boleh digunakan sebagai asas untuk menghubungi selanjutnya, Penganjur akan menghormati permintaan anda. Maklumat anda tidak akan diberikan atau dikongsi dengan syarikat atau rakan kongsi lain untuk kegunaan bebas mereka. Untuk Notis Pematuhan Akta Perlindungan Data Peribadi penuh Penganjur, sila rujuk laman web Penganjur di <https://www.dutchlady.com.my/privacy-policy.php>.
10. Terma & Syarat Peraduan ini disediakan dalam Bahasa Malaysia sahaja.